

## Orang Dayak dan Gerakan Komunis di Sarawak, 1963–1990

### ***The Dayaks and the Communist Movement in Sarawak, 1963–1990***

HO HUI LING

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia  
hohuiling@um.edu.my

**Published online:** 28 April 2022

**To cite this article:** Ho Hui Ling. 2022. Orang Dayak dan gerakan komunis di Sarawak, 1963–1990. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 29(1): 117–143. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.6>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.6>

**Abstract.** *The Dayaks, despite being the majority population in Sarawak, were unable to avoid involvement in the communist movement in the 1960s in East Malaysia. Faced with difficulties in obtaining aid and support in the First Division of Sarawak, Kuching, the communists moved to the Third Division of Sarawak (Rajang) which was inhabited by many Dayaks, with the objective of obtaining help for their activities. The current study, based on a qualitative method of collecting and analysing primary and secondary archival sources, found that the communists realised the Dayaks were important in mobilising their activities in Sarawak. The Dayak settlements, concentrated in the rural areas, were not easily detected by the authorities. And it was difficult for the government and security forces to be in contact with the Dayaks due to communication system problems. The study also found that the communists used various strategies to attract Dayaks' attention and participation in their movement. They befriended the Dayak people by learning their language and culture, by establishing family ties with them, by championing their interests and by promoting their integration with other races. Despite this, the communist movement was not well-received by the Dayaks.*

**Keywords and phrases:** Dayaks, native population, communist movement, Sarawak, Clandestine Communist Organisation (CCO)

**Abstrak.** Orang Dayak yang merupakan penduduk majoriti di Sarawak juga tidak dapat lari daripada gerakan komunis. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan kepentingan dan pelibatan orang Dayak dalam gerakan komunis dan strategi komunis dalam menarik penyertaan mereka. Pada tahun 1960-an, komunis berdepan dengan masalah mendapatkan bantuan dan sokongan di Bahagian Pertama Sarawak iaitu Kuching. Dalam keadaan itu, komunis beralih ke Bahagian Ketiga Sarawak (Rajang) yang dihuni oleh ramai orang Dayak. Komunis berharap golongan ini dapat membantu kegiatan mereka. Kajian ini disempurnakan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu mengumpul dan menganalisis

sumber primer serta sekunder dari arkib dan perpustakaan di Kuala Lumpur serta Kuching. Kajian ini mendapati komunis menyedari orang Dayak adalah penting dalam menggerakkan kegiatan mereka di Sarawak. Petempatan orang Dayak yang tertumpu di kawasan pedalaman tidak mudah dikesan oleh pihak berkuasa. Mereka juga sukar dihubungi oleh pihak kerajaan dan pasukan keselamatan kerana masalah sistem perhubungan. Justeru, komunis menggunakan pelbagai strategi untuk menarik perhatian dan penyertaan mereka. Komunis mendampingi masyarakat Dayak dengan mempelajari bahasa dan budaya, menjalin ikatan kekeluargaan, memperjuangkan kepentingan serta menggalakkan penyatuan mereka dengan kaum lain. Walaupun demikian, gerakan komunis kurang mendapat sambutan dalam kalangan orang Dayak.

**Kata kunci dan frasa:** Orang Dayak, penduduk peribumi, gerakan komunis, Sarawak, Clandestine Communist Organisation (CCO)

## Pendahuluan

Gerakan komunis di Sarawak adalah satu masalah keselamatan yang dihadapi oleh pihak pentadbiran British mahupun kerajaan Sarawak setelah Sarawak mencapai kemerdekaan. Gerakan komunis yang berkembang di Sarawak menimbulkan kebimbangan kepada pihak kerajaan dan pemimpin politik Sarawak. Hal ini kerana masalah komunis boleh menimbulkan gangguan kepada kestabilan pentadbiran dan seterusnya memusnahkan keamanan negeri tersebut. Gerakan komunis di Sarawak dapat dikesan sejak lewat tahun 1920-an dan menjadi lebih ketara selepas zaman pendudukan Jepun. Walaupun pertubuhan yang berunsurkan komunis telah wujud sejak tahun 1940-an, namun parti komunis di Sarawak hanya ditubuhkan pada pertengahan tahun 1950-an, iaitu Clandestine Communist Organisation (CCO). Pertubuhan berunsur komunis yang ditubuhkan sebelum CCO termasuk Sarawak Anti-Fascist League (SAFL), Sarawak National Liberation League (SNLL), Overseas Chinese Young Men's Association (OCYMA), Sarawak Overseas Chinese Democratic Youth League (SOCODYL), Sarawak Liberation League (SLL) dan Sarawak Advanced Youth Association (SAYA) (Ho 1999, 184–186). Gerakan komunis bertujuan untuk memperjuangkan pembebasan Sarawak daripada penjajahan dan membentuk kerajaan komunis di Sarawak. Selepas itu, komunis bergerak ke arah pembentukan sebuah negara komunis meliputi Sabah, Sarawak dan Brunei ataupun Kalimantan Utara. Gerakan komunis masih diteruskan walaupun selepas Sarawak mencapai kemerdekaan melalui penubuhan Malaysia pada 16 September 1963. Pada ketika itu, komunis Sarawak turut menjalin hubungan dengan Parti Rakyat Brunei (PRB) dan komunis Indonesia bagi menentang pembentukan Malaysia. Sungguhpun begitu, gerakan komunis mula menjadi lemah setelah pemimpin utamanya berdamai dengan kerajaan Sarawak melalui Operasi Sri Aman yang dilancarkan pada tahun 1974. Sejak itu, gerakan

komunis menjadi semakin lemah dan akhirnya, saki-baki komunis bersetuju menghentikan perjuangan pada Oktober 1990.

Dalam menelusuri sejarah perkembangan komunis di Sarawak, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa orang Cina merupakan golongan terbesar yang bersimpati dan terlibat dalam gerakan komunis secara langsung atau tidak langsung. Lantaran itu, mereka dijadikan alat untuk menyebarkan pengaruh dan melebarkan kegiatan komunis. Komunis juga mendampingi orang Cina bagi mendapatkan sokongan mereka demi menjayakan cita-cita politik komunis di Sarawak. Namun begitu, dalam gerakan di Sarawak, komunis juga tidak melupakan penduduk peribumi khasnya orang Dayak, iaitu penduduk majoriti di Sarawak supaya turut serta dalam kegiatan mereka. Komunis mula memberi perhatian kepada penduduk Dayak bermula pada tahun 1960-an ketika komunis Sarawak berdepan dengan kekurangan anggota dan sumber bekalan serta kesukaran dalam memperoleh bantuan daripada penyokongnya di Bahagian Pertama ekoran daripada tekanan kerajaan. Dengan itu, komunis mula beralih tumpuan kepada Bahagian Ketiga Sarawak (Rajang) dan orang Dayak khasnya Dayak Laut (Iban) yang ramai mendiami kawasan itu mula mendapat perhatian. Dalam perkara ini, daerah Sibu, Kanowit, Binatang (kini dikenali sebagai Bintangor), Sarikei dan Kapit adalah antara kawasan yang menjadi tumpuan gerakan komunis di Bahagian Ketiga Sarawak sejak tahun 1960-an. Justeru, tulisan ini bertujuan untuk mengkaji kepentingan dan pelibatan orang Dayak dalam gerakan komunis serta strategi komunis dalam mempengaruhi orang Dayak di Sarawak.

Penyelidikan ini adalah wajar dan penting dijalankan kerana setakat ini penyelidikan khusus tentang orang Dayak dalam gerakan komunis di Sarawak belum mendapat perhatian oleh para pengkaji. Walaupun terdapat buku dan artikel berkaitan gerakan komunis di Sarawak, namun kajian mereka lebih tertumpu kepada sejarah gerakan komunis secara umum serta tidak memberi perhatian kepada pelibatan orang Dayak dalam gerakan komunis. Antaranya, perbincangan dalam buku Vernon L. Porritt (2004), *The Rise and Fall of Communism in Sarawak 1940–1990* memberi tumpuan kepada sejarah perkembangan komunisme pada tahun 1940-an sehingga 1990. Namun demikian, buku ini tidak membincangkan pelibatan orang Dayak dalam gerakan komunis di Sarawak. Sebelum itu, Porritt juga menulis sebuah buku bertajuk *British Colonial Rule in Sarawak, 1946–1963* yang memberi perhatian kepada peranan British dalam pentadbiran Sarawak selepas Perang Dunia Kedua sehingga Sarawak berada dalam Persekutuan Malaysia. Perkara berkaitan gerakan komunis di Sarawak dapat dilihat dalam Bab 5 buku ini, namun perbincangan hanya berkisar tentang langkah-langkah yang diambil oleh komunis dalam meraih sokongan penduduk

secara umumnya dan tidak tertumpu kepada orang Dayak. Sementara itu, Gabriel Tan (2008) dalam bukunya *Indonesia Confrontation and Sarawak Communist Insurgency, 1963–1966: Experiences of a Local Reporter*, merungkai dengan terperinci berkenaan kegiatan komunis di Sarawak berdasarkan pengalaman beliau semasa bertugas sebagai wartawan dalam melaporkan berita serangan komunis. Dalam buku ini, walaupun sebahagian langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menghapuskan gerakan komunis ada dibincangkan namun perbincangan tersebut adalah secara ringkas kerana kajian hanya merangkumi tempoh tiga tahun iaitu selepas pembentukan Malaysia sehingga zaman konfrontasi. Selain itu, buku yang ditulis oleh Alli Kawi (2009), *It Has Been Worth the Pain*, membincangkan tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam melaksanakan Operasi Sri Aman sehingga akhirnya memaksa pemimpin komunis Sarawak iaitu Bong Kee Chok menyerah diri bersama-sama dengan lebih 500 orang ahli komunis. Perbincangan dalam buku ini banyak berdasarkan pengalaman penulis dalam bidang kepolisan dan usaha beliau melibatkan diri dalam politik. Seterusnya dalam buku Mohd Reduan Haji Asli (1993), *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, terdapat tiga bab tentang sejarah komunis di Sarawak, iaitu Bab 2, 3 dan 5. Namun demikian, buku ini hanya memberi tumpuan kepada perkembangan pihak komunis sahaja berbanding dengan masyarakat dan kerajaan di Sarawak. Sementara itu, Justus M. van der Kroef (1967) menghasilkan sebuah buku bertajuk *Communism in Malaysia and Singapore* yang mengandungi tujuh bab keseluruhannya. Dalam buku ini, hanya Bab 4 yang membincangkan perkembangan gerakan komunis di Sarawak dari tahun 1963 sehingga 1974. Bab ini memberi tumpuan kepada kegiatan CCO dalam menarik perhatian khususnya orang Cina untuk menyertai perjuangan mereka. Sebaliknya, usaha komunis untuk menarik sokongan orang Iban tidak dibincangkan. Di samping itu, van der Kroef juga menulis beberapa buah artikel yang berkaitan dengan gerakan komunisme di Sarawak seperti “The Sarawak-Indonesia Border Insurgency” yang diterbitkan dalam *Modern Asian Studies* (1968), “Communism in Sarawak Today” dalam *Asian Survey* (1966) dan “Communism and Chinese Communalism in Sarawak” yang diterbitkan dalam *The China Quarterly* (1964). Namun demikian, tulisan beliau hanya mengetengahkan aspek tertentu dalam gerakan komunis seperti kekacauan yang dicetuskan oleh komunis di sempadan Sarawak-Kalimantan, gerakan komunis selepas Malaysia dan gerakan komunis yang dikaitkan dengan orang Cina Sarawak sahaja. Dalam tulisan-tulisan ini, jelas bahawa penulis tidak memberikan perhatian kepada pelibatan orang Dayak dalam gerakan komunis di Sarawak.

## Orang Dayak di Sarawak

Masyarakat di Sarawak dibentuk oleh penduduk berbilang kaum dan budaya. Umumnya, mereka boleh dibahagikan kepada tujuh kategori dari kumpulan majoriti sehingga minoriti iaitu orang Iban (Dayak Laut), Cina, Melayu, Bidayuh (Dayak Darat), Melanau, bumiputera lain dan lain-lain kaum. Kumpulan terbesar ialah orang Dayak (Dayak Laut dan Dayak Darat). Daripada jumlah keseluruhan penduduk di Sarawak, pada tahun 1939, penduduk Dayak merangkumi 41.7%, 48% pada tahun 1947, 44.7% pada tahun 1960 dan 39.6% pada tahun 1970. Daripada jumlah tersebut, 34.2% adalah orang Iban (Dayak Laut) pada tahun 1939, 34.8% pada tahun 1947, 31.9% pada tahun 1960 dan 31% pada tahun 1970 (Lee 1970, 40; *Annual Statistical Bulletin Sarawak 1972* 1973, 9). Sementara itu, penduduk bumiputera lain di Sarawak termasuk Kenyah, Kayan, Kelabit, Punan, Lun Bawang, Orang Ulu, Bukitan, Bisaya, Dusun, Kajang, Lugat, Lisum, Murut, Penan, Sian, Tegal, Ukit, Limbawang dan lain-lain (Mohd Suffian 1987, 408; Jones 1962, 122; Jackson 1976, 44). Justeru, orang Dayak merupakan penduduk peribumi paling ramai di Sarawak dengan orang Iban mendahuluinya. Jadual 1 menunjukkan jumlah penduduk di Sarawak pada tahun 1939 hingga 1970 mengikut kaum. Berdasarkan Jadual 1, jelas bahawa orang Dayak merupakan penduduk majoriti di Sarawak.

**Jadual 1.** Bilangan penduduk di Sarawak, 1939–1970

Kaum \ Tahun	1939	1947	1960	1970
Iban (Dayak Laut)	167,700	190,326	237,741	302,984
Cina	123,626	145,158	229,154	294,020
Melayu	92,709	97,469	129,300	182,709
Bidayuh (Dayak Darat)	36,965	42,195	57,619	83,276
Melanau	36,774	35,560	44,661	53,234
Bumiputera lain	27,534	29,867	37,931	49,960
Lain-lain kaum	5,288	5,810	8,123	9,735
Jumlah	490,596	546,385	744,529	975,918

Sumber: Lee (1970, 40), Jones (1962, 122; 1966, 63), *Annual Statistical Bulletin Sarawak 1972* (1973, 9) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (1970)

Orang Dayak tinggal di kawasan pedalaman dan merupakan penduduk majoriti di kawasan tersebut. Mereka menjalani kehidupan sebagai petani, pekebun kecil, pemburu binatang atau pemungut hasil hutan di kawasan pedalaman. Orang Dayak tinggal berselerak di kawasan petempatan di kampung atau di rumah panjang. Kawasan tumpuan penduduk Dayak sukar dihubungi oleh pihak

pentadbiran dan penduduk juga sukar berhubung dengan pihak luar kerana masalah sistem perhubungan. Keadaan ini mengakibatkan mereka masih hidup dalam keadaan yang mundur dan miskin. Pendedahan mereka kepada perkembangan politik di luar kawasan mereka adalah amat sedikit. Walaupun demikian, golongan ini telah digunakan oleh Raja Brooke untuk tujuan pertahanan ketika era pentadbirannya di Sarawak (1841–1941). Raja Brooke berpendapat orang Dayak memiliki ciri-ciri yang sesuai untuk dijadikan tentera Brooke dalam menghapuskan gerakan penentangan terhadap Raja Brooke dan juga bagi meluaskan jajahan British di Sarawak. Orang Dayak khasnya orang Iban adalah golongan yang agresif, berani dan setia kepada pemerintah tetapi kurang terpengaruh dengan pengaruh luar. Keistimewaan ini menyebabkan mereka diambil untuk berkhidmat kepada Raja Brooke. Justeru, sewaktu komunis mempergiatkan gerakan di Sarawak, mereka juga berpendapat bahawa kaum Dayak khasnya Dayak Laut atau orang Iban adalah golongan penting yang harus dipengaruhi supaya mereka menyokong dan menyertai gerakan komunis. Orang Iban tertumpu di Bahagian Ketiga Sarawak, antaranya di daerah Sibu, Kanowit, Binatang, Sarikei dan Kapit. Bahagian Ketiga pula menjadi kawasan tumpuan gerakan komunis di Sarawak sejak tahun 1960-an.

### **Kepentingan Orang Dayak kepada Gerakan Komunis**

Gerakan komunis di Sarawak pada peringkat awal sebelum tahun 1963 banyak bergantung kepada orang Cina. Orang Cina yang terpengaruh dan dipengaruhi oleh perkembangan politik di China memberi sokongan serta bantuan kepada kegiatan komunis di Sarawak. Namun demikian, tekanan kerajaan melalui kawalan ketat terhadap pergerakan penduduk, pelancaran operasi ketenteraan dan gerakan anti komunis di Bahagian Pertama serta Kedua Sarawak mengakibatkan komunis beralih tumpuan ke Bahagian Ketiga. Bahagian Ketiga mempunyai ramai penduduk Cina yang berpotensi dijadikan sebagai penyokong komunis. Kawasan yang penuh dengan hutan tebal juga sesuai sebagai tempat persembunyian mereka. Bahagian Ketiga yang merangkumi kawasan Sibu, Kanowit, Sarikei, Binatang dan Kapit adalah lokasi tumpuan orang Dayak terutamanya orang Iban di Sarawak. Tambahan pula, pada pertengahan tahun 1960-an, CCO berdepan dengan kekurangan anggota dan sumber bekalan serta masalah dalam memperoleh bantuan daripada penyokong mereka khasnya di kawasan orang Cina. Keadaan itu berlaku kesan daripada gerakan anti komunis dan ketenteraan yang dijalankan oleh kerajaan. Ekoran itu, komunis mula memberi perhatian kepada penduduk Dayak yang tinggal di kawasan pedalaman di Bahagian Ketiga Sarawak.

Berdasarkan keadaan kemajmukan masyarakat Sarawak dan penduduk Dayak yang membentuk kumpulan paling ramai, penduduk Dayak diberi perhatian oleh komunis. Komunis sedar bahawa matlamat perjuangan mereka di Sarawak tidak dapat mencapai kejayaan sekiranya mereka hanya menyasarkan orang Cina dan mengabaikan penduduk Dayak. Keadaan ini disebabkan oleh orang Dayak merupakan penduduk majoriti di negeri ini. Perkara ini dinyatakan dalam sebuah dokumen komunis berkaitan, “Hsueh-Hsих Material Concerning Racial Problems”: “Some think that the revolution is purely a Chinese affair. They fail to recognize that the Natives are our class brothers, fail to understand that without the support of the Natives, our revolution cannot succeed” (RH/2006/0063, The Doomed Man). Dapat dilihat di sini bahawa komunis menyedari kepentingan penyertaan penduduk Dayak dalam gerakan mereka di Sarawak walaupun pada masa yang sama, komunis turut mengakui terdapat kebimbangan tahap keterlibatan penduduk Dayak sekiranya menyertai gerakan revolusi mereka kerana golongan tersebut mundur dan agresif serta telah dipergunakan oleh penjajah British di Sarawak sebelum ini. Berdasarkan perspektif komunis, kepentingan orang Dayak kepada gerakan komunis juga adalah kerana mereka memiliki ciri-ciri semula jadi yang sesuai dan dapat membantu menggerakkan kegiatan revolusi komunis di Sarawak. Perkara ini dinyatakan dalam sebuah dokumen komunis, “Hsueh-Hsих Material Concerning Racial Problems” seperti berikut:

But the Natives have their invaluable assets. Being still living in the transition stage between the primitive society and the feudal society, they keep with them certain remnants of the system of public ownership of properties and the thinking and feelings attached to this system. They are not influenced by the capitalist way of thinking. They are physically hardened by life in the jungle. They are simple-minded, good, brave and in possession of the spirit of unselfish collectivism. All these are the previous qualities of a revolutionary people.

(RH/2006/0063, The Doomed Man)

Walaupun demikian, berikutan kesedaran yang wujud tentang kepentingan penyertaan orang Dayak dalam gerakan komunis di Sarawak, komunis sering menekankan bahawa orang Dayak mestilah disatukan dan diletakkan di bawah pengaruh mereka. Perkara ini perlu dilakukan supaya orang Dayak turut memainkan peranan penting dalam perjuangan mendapat kemerdekaan dan seterusnya membentuk sebuah republik komunis di Sarawak (Mohd Reduan 1993, 84–85). Hal ini seperti yang dicatatkan dalam dokumen komunis “Leadership and Cadre Problems in Racial Work”:

At the present stage the racial work we refer to is primarily to educate and organise the Natives, to elevate their political consciousness and to lead them to join our revolutionary movement. ... to organise and educate the Natives to oppose and crush the British imperialism, it is a form of struggle for the independence and liberation of our motherland. (RH/2006/0063, The Doomed Man)

Kepentingan orang Dayak dalam gerakan komunis sekali lagi ditegaskan dalam dokumen komunis bertajuk “Racial Work and Armed Struggle” iaitu:

The Natives, being a deciding factor in the revolution, have been a target for us as well as for our enemy to win over. Whoever has the Natives on his side will be the winner. Under such circumstances, we must do racial work well and do it quickly; otherwise we shall fail. (RH/2006/0063, The Doomed Man)

Berdasarkan petikan daripada dokumen komunis tersebut, jelas bahawa komunis sedar tentang kepentingan orang Dayak dalam gerakan komunis. Justeru, komunis bergerak ke arah untuk mempengaruhi orang Dayak supaya mereka bukan sahaja menyokong malahan turut serta dalam gerakan komunis di Sarawak. Keadaan ini memandangkan CCO mengakui bahawa sukar untuk perjuangan komunis di Sarawak mencapai matlamatnya tanpa pelibatan penduduk Dayak. Oleh itu, semua kader digerakkan ke arah mempengaruhi penduduk tempatan ini dalam kegiatan mereka. Hal tersebut telah ditegaskan oleh CCO dalam sebuah dokumen yang bertajuk “National Independence” bertarikh 1 Jun 1960:

Perhaps some comrades realised that the movement of liberating the races in the colonies is a movement of the peasants and that the natives should become the trunk of this great army. If we do not unite with them and educate them, then the Sarawak independence will never come. We must call upon all comrades to devote themselves to the work of the races. Disunited natives will never become independent. We, the progressive warriors must struggle to fly the Red flag in the places in which it is most difficult to carry out revolutionary work. (Sarawak Information Service 1965, 38)

Pada masa yang sama, komunis juga mendapati petani berbangsa Dayak di kawasan luar bandar mempunyai potensi revolusioner yang lebih besar dan menyokong fahaman politik yang inginkan perubahan secara menyeluruh dalam sistem pemerintahan berbanding dengan petani Cina. Perkara ini dinyatakan dalam sebuah artikel yang dimuatkan dalam *Workers News*, No. 31, July 1964 (dalam Malaysia 1966, 9) iaitu:

From the class point of view, there is a distinct difference between the native peasants and the Chinese peasants. The native peasants are more severely exploited than the Chinese peasants. Most of them are illiterate and living a semi-primitive life in the remote countryside, struggling at the brink of starvation. This is why their spirit of revolution is stronger than that of the Chinese peasants.

Sementara itu, tindakan komunis yang cuba menggunakan orang Dayak dalam gerakan mereka di Sarawak turut disedari oleh kerajaan. Melalui bahan terbitan dan Kertas Putih, kerajaan mendedahkan kegiatan komunis kepada penduduk Sarawak. Tindakan kerajaan juga bertujuan untuk menyedarkan masyarakat setempat tentang bahaya gerakan komunis yang semakin aktif dalam kalangan penduduk khususnya penduduk peribumi. Keadaan ini dapat dilihat melalui terbitan kerajaan bertajuk *Communism and the Farmers* pada tahun 1961 yang menyatakan:

The communists and the people who work for them have always made efforts to gain Native support, not only because of the extra votes they hope to acquire and in order to split opposition to front organisations but also in order to conceal the essentially Chinese nature of communism in this part of the world. (Malaysia 1966, 8)

Beginu juga Kertas Putih kerajaan bertajuk *The Threat of Armed Communism in Sarawak* yang diterbitkan pada tahun 1972 juga mendedahkan kepentingan penduduk Dayak dalam gerakan komunis. Kertas Putih ini turut menyebut tentang masalah yang dihadapi oleh komunis untuk memperoleh sokongan dalam kalangan penduduk Dayak kerana sifat kecinaan dalam pertubuhan komunis seperti petikan berikut:

The SCO has always acknowledged the fact that without indigenous support, the revolution could never succeed and this has been continuously emphasised in all its policy documents. However, as in the case of CPM in West Malaysia, the main obstacle in the SCO's way to the establishment of support among the indigenous people is the Chinese character of the SCO itself. (Malaysia 1972, 16)

Dengan itu, jelas bahawa kepentingan orang Dayak dalam gerakan komunis di Sarawak bukan sahaja disedari oleh komunis tetapi juga pihak kerajaan. Hal ini kerana orang Dayak adalah penduduk majoriti di Sarawak yang mampu menentukan kejayaan atau kegagalan sesbuah gerakan politik di negeri itu. Justeru, komunis berusaha untuk memenangi sokongan orang Dayak manakala kerajaan pula berusaha untuk menjauhkan mereka daripada kegiatan komunis.

## Strategi Komunis dalam Mempengaruhi Orang Dayak

Bagi menarik perhatian penduduk Dayak, CCO mendapati ketiadaan strategi yang berkesan dalam membina hubungan dengan masyarakat tempatan ini, lantas penjalinan hubungan dengan masyarakat tempatan adalah sangat penting dan perlu demi menjayakan gerakan politiknya di Sarawak. Berikutnya, CCO merancang strategi dan seterusnya mengeluarkan satu arahan yang merangkumi beberapa langkah asas parti untuk mempengaruhi orang Dayak. Langkah ini termasuklah melalui pembelajaran bahasa penduduk tempatan (Dayak) dan mendampingi masyarakat Dayak, memperjuangkan kepentingan serta menggalakkan penyatuan mereka dengan kaum lain bagi menumpaskan kerajaan yang sedia ada. Langkah asas yang dirancang oleh CCO untuk dilaksanakan oleh anggotanya dalam kalangan penduduk peribumi adalah seperti berikut:

1. Intensify the study of the native language, and improve it constantly in the course of working among the native masses;
2. Root ourselves deeply among the natives;
3. Lead the natives to struggle successfully for their interests;
4. Extend the organisation into the native races, and establish its directing, influence amongst them; and
5. Expand the armed struggle to include the native races and mobilise them to unite with the other races to take over the Government.

(Malaysia 1972, 17)

CCO sedar bahawa untuk menjayakan kegiatan mereka di Sarawak, kerjasama erat antara penduduk berbilang kaum sangat penting dalam menamatkan penjajahan British dan menubuhkan sebuah masyarakat baharu. Maka, menurut CCO, orang Cina harus bekerjasama dan membantu masyarakat Dayak dalam meningkatkan kesedaran politik serta menjalin hubungan rapat antara satu sama lain. Perkara ini dicatatkan dalam sebuah dokumen komunis bertajuk “The Native of the Colonial Society in Sarawak” yang ditemukan di Sibu pada 13 Mac 1962. Dokumen ini antara lainnya mencatatkan:

Close co-operation between the races will enable the overthrow of British Imperialism and the establishment of a new society. The Chinese race should discard prejudices and contempt, adopt an attitude of equality and respect of the indigenous races, help them to catch up in political consciousness and encourage more and more contact.  
(Sarawak Information Service 1965, 39)

Penemuan dokumen tersebut turut menunjukkan bahawa komunis menyedari tentang keperluan dan kepentingan golongan Dayak dalam masyarakat Sarawak. Golongan ini perlu didekati dan dipengaruhi supaya mereka turut serta dalam kegiatan komunis atau membantu komunis dalam perjuangan mereka untuk membebaskan Sarawak dan penduduk negeri tersebut daripada penjajahan British.

Menurut CCO, untuk memudahkan kerja mempengaruhi kaum Dayak dalam kegiatan mereka, sebahagian ahli komunis Cina digalakkan berkahwin dengan wanita/lelaki Dayak. Mereka menjadi ayah, ibu dan saudara supaya mereka tidak mudah diasingkan daripada komuniti Dayak oleh pihak penjajah. Ikatan kekeluargaan ini dapat memudahkan urusan komunis dalam kalangan penduduk Dayak. Dengan cara ini, komunis dapat meluaskan kegiatan mereka di kawasan penduduk Dayak berkenaan. Melalui pendekatan ini juga, CCO berharap pengaruh komunis seterusnya lebih mudah untuk disebarluaskan dalam kalangan saudara Dayak mereka di rumah panjang dan kampung. Keadaan itu juga dapat memudahkan komunis meminta bantuan daripada komuniti Dayak bagi menggerakkan kegiatan mereka di rumah panjang atau kampung. Strategi yang dijalankan oleh komunis ini dinyatakan dalam dokumen mereka bertajuk “Hsueh-Hsих Material Concerning Racial Problems” sebagai “Chinese who are connected with the Natives by marriage. This relationship can be used to facilitate our work. It will provide a footing for them to work in the kampongs” (RH/2006/0063, The Doomed Man).

Selain itu, ahli CCO juga digerakkan untuk belajar bahasa, sejarah dan budaya masyarakat Dayak. Kaedah ini adalah satu cara efektif yang dapat membantu komunis untuk mendekati masyarakat Dayak dan menjalin hubungan mesra dengan mereka. Anggota komunis turut dapat menjalankan tugas tanpa melanggar adat dan budaya masyarakat Dayak. Seterusnya, mereka dapat memenangi keyakinan dan kerjasama daripada orang Dayak. Hubungan persahabatan yang terbina antara komunis dengan masyarakat tempatan ini dapat membantu gerakan komunis di Sarawak. Dengan itu, teori Marxisme/Leninisme dan komunisme dapat disebarluaskan kepada orang Dayak di rumah panjang serta kampung berkenaan dengan lebih mudah (Sarawak Information Service 1965, 38). Pada masa yang sama, CCO turut menerbitkan dan mengedarkan risalah dalam bahasa peribumi seperti bahasa Iban kepada penduduk Iban di kawasan tumpuan komuniti itu. Melalui risalah berkenaan, fahaman dan kegiatan komunis dapat disebarluaskan serta diketahui oleh masyarakat berkenaan (Malaysia 1966, 9). Dengan itu, komunis dapat memperoleh simpati dan sokongan serta bantuan daripada penduduk Dayak dalam gerakan mereka. Strategi komunis ini

diharapkan dapat membolehkan komunis bergerak dengan lebih lancar dan berkesan untuk mencapai matlamat mereka di Sarawak.

Sementara itu, komunis juga menyebarkan pengaruh mereka dengan menyusup masuk ke dalam pertubuhan peladang di Sarawak. Hal ini kerana CCO menyedari sokongan daripada golongan itu sangat penting bagi organisasi mereka memandangkan kebanyakannya penduduk luar bandar di Sarawak bekerja sebagai peladang atau petani. Oleh itu, komunis cuba mempengaruhi mereka bagi menyokong dan menyertai kegiatan komunis. Kertas Putih yang diterbitkan oleh kerajaan Sarawak bertajuk *Communism and the Farmers* pada November 1961 di Kuching melaporkan komunis menggunakan Sarawak Farmers Association (SFA) untuk menyebarkan ideologi dalam kalangan komuniti luar bandar. Hal ini memandangkan lebih kurang 70% penduduk dewasa adalah petani yang majoritinya adalah orang Dayak dan boleh dipergunakan untuk mendapatkan sokongan oleh komunis. Komunis juga melihat hubungan kaum yang baik wujud antara golongan peladang dan petani dengan penduduk Dayak dapat membantu penduduk untuk menyertai gerakan mereka (*Communism and the Farmers* 1961, 7–8; *Sarawak by the Week* 1961). Komunis juga berjanji bahawa peladang dan petani tidak akan mengalami penindasan akibat eksloitasi ekonomi oleh tuan tanah sekiranya mereka menyokong perjuangan komunis (*Sarawak by the Week* 1961; Ho 2014, 82). Dapat dilihat di sini bahawa komunis mempunyai strategi tersendiri dalam mempengaruhi petani berbangsa Dayak di luar bandar supaya memberi kerjasama dan sokongan kepada gerakan mereka di Sarawak.

Sungguhpun demikian, strategi dan usaha komunis berkenaan kurang sesuai dan kurang berjaya dalam mempengaruhi penduduk luar bandar. Keadaan ini disebabkan mereka tidak berdepan dengan masalah dan penindasan daripada tuan tanah. Dengan itu, propaganda komunis untuk membebaskan mereka daripada dieksloitasi oleh tuan tanah adalah kurang berkesan dalam menarik perhatian mereka. Keadaan ini diakui sendiri oleh CCO dalam sebuah dokumennya yang kemudian jatuh ke tangan kerajaan. Dokumen itu antaranya menyatakan:

At present the farmers in Sarawak are not suffering from exploitation and oppression of landlords. Generally speaking, a landlord caste has not yet appeared in Sarawak at present and there exists here and now, only a few of the level of rich farmers. Compared with the farmers in China in 1927 as then reported by Chairman MAO, the farmers here are suffering only very slightly from oppression and exploitation and the degree of their consciousness still remains low. They have serious ideological defects in the form of indolence and misconception towards private property. (*Communism and the Farmers* 1961, 3)

Justeru, dalam gerakan komunis di Sarawak, selain orang Cina, mereka juga sedar tentang pentingnya orang Dayak dan penduduk di kawasan luar bandar dalam membantu pergerakan komunis. Mereka boleh digunakan untuk meningkatkan barisan tentera komunis dan membekalkan bahan makanan. Perkara ini dinyatakan dalam terbitan bawah tanah komunis, *Farmers News*, No. 15, September 1964 (dalam Malaysia 1966, 8–9) sebagai:

The Ibans represent 30.1 per cent of the total population of Sarawak, the Malays 17 per cent. Together they represent almost half the population of the country and constitute a mighty force... if this mighty force is harnessed to our revolutionary movement – it will be irresistible.

Kepentingan penduduk Dayak di luar bandar sebagai sumber bekalan makanan kepada komunis telah dinyatakan dalam dokumen komunis bertajuk *Workers and Farmers News*, No. 18, Disember 1964 (dalam Malaysia 1966, 9) iaitu:

The Chinese farmers produce economic crops which can be sold but cannot be used for food. But the native areas are remote and close to Indonesia. Natives produce food. If we can raise their productivity, we would be helping them to improve their living standard while at the same time we would be assured of a food supply. Unlike the Chinese rural areas, the native areas can survive the enemy blockade.

Lantaran itu, “kerja sosial” (*racial work*) terhadap orang Dayak diberi perhatian oleh CCO dalam mempengaruhi penduduk Dayak di kawasan luar bandar atau pedalaman (Malaysia 1966, 8). “Kerja sosial” dilakukan oleh komunis melalui penyebaran propaganda dan menjalankan kerja kebajikan seperti menyediakan kemudahan perubatan kepada penduduk pedalaman yang memerlukan. Cara ini membolehkan komunis mendekati masyarakat setempat dan meraih kepercayaan mereka. Dengan itu juga, komunis dapat memperoleh bekalan makanan dan keperluan mereka yang berterusan daripada masyarakat setempat. Dalam dokumen komunis, tujuan “kerja sosial” dinyatakan sebagai:

The aim of this work is to organise and fortify the Dayak brothers by extending our teachings, policies and influence to them through the progressive masses.... The important measures we have adopted in carrying out racial work – the work which decides the fate of our mother country are (i) political propaganda and (ii) welfare work. (Malaysia 1966, 9)

“Kerja sosial” adalah salah satu strategi CCO dengan menggunakan orang Iban yang telah terlibat dalam gerakan komunis untuk menyebar dan menyemai fahaman komunis khasnya dalam kalangan penduduk peribumi Sarawak dengan

keutamaan diberikan kepada orang Iban di rumah panjang. Menurut Kertas Putih kerajaan bertajuk *Ancaman Komunis Bersenjata di Sarawak* (1972, 19), “kerja sosial” dikatakan adalah kerja yang bercorak perkauman (FCO 24/1440 1972). Melalui strategi tersebut, komunis berjaya menguasai kawasan petempatan penduduk Dayak di kawasan pedalaman yang masih longgar dari segi pertahanan kerajaan. Antara kawasan yang dikuasai oleh komunis adalah kawasan orang Iban di sepanjang Oya dan Paloh di Dalat, Anap di Tatau, Ulu Machan dan Sungai Ngemah dan Kabah di Kanowit. Kawasan ini dijadikan pusat kegiatan komunis di kawasan Rajang dan komunis memperoleh bekalan makanan, perlindungan dan maklumat. Hal ini kerana kawasan tersebut sukar dihubungi oleh pihak keselamatan memandangkan keadaan hutan tebal yang hanya boleh dihubungi melalui perahu atau helikopter (Liman 2012, 149; Empeni Lang 2015, 6).

CCO menubuhkan satu barisan yang dikenali sebagai North Kalimantan National Liberation League (NKNLL) pada lewat tahun 1964. Dalam usaha untuk menguatkan sokongan penduduk kepada gerakan komunis, NKNLL dibentuk bertujuan untuk memenangi sokongan daripada semua lapisan masyarakat penduduk yang berbilang kaum. Dengan itu, NKNLL wujud sebagai sebuah gerakan komunis berbilang kaum supaya penduduk peribumi terutamanya orang Dayak turut terlibat dalam kegiatan mereka. Seterusnya, NKNLL berusaha ke arah menubuhkan *a communist-controlled coalition government* dalam sebuah North Kalimantan People’s Republic. Namun demikian, gerakan ini tidak bertahan lama dan dapat dihapuskan oleh kerajaan pada 28 Disember 1964 (Malaysia 1966, 4; van der Kroef 1966, 572–573). Sementara itu, pada tahun 1965, pihak kerajaan mengesan sebuah stesen radio komunis, The Northern Kalimantan People’s Revolutionary. Siaran ini dapat didengar oleh penduduk di sekitar Kuching pada sebelah petang. Siaran ini berlangsung selama setengah jam dengan separuh daripada siaran tersebut disiarkan dalam bahasa Melayu dan separuh lagi dalam bahasa Cina. Stesen itu dipercayai berpusat di kawasan Indonesia (DO 169/486 1965a; 1965b). Situasi ini menunjukkan komunis telah menggunakan media massa sebagai salah satu saluran bagi menyebarkan berita tentang kegiatan mereka di Sarawak kepada penduduk peribumi melalui siaran radio mereka dalam bahasa Melayu selain siaran bahasa Cina.

Dalam pada itu, usaha pihak komunis untuk mempengaruhi orang Dayak supaya bekerjasama dan menyertai gerakan mereka juga dilakukan melalui penyebaran risalah propaganda. Strategi ini mempunyai unsur psikologi untuk menarik perhatian orang Dayak terhadap gerakan komunis. Dalam satu siasatan yang dijalankan oleh pihak polis di jalan antara Binatang dengan Kelupu pada

5 Jun 1973, polis menemui empat keping risalah komunis yang ditulis dalam bahasa Iban dan bahasa Cina. Dalam risalah itu, komunis menyeru penduduk Iban supaya menyertai perjuangan mereka dan tidak membantu kerajaan dalam menentang komunis (Ref. AD709/019/27/PR(S) 1973).

Selain itu, CCO berpendapat bahawa penjajah British berjaya memenangi sokongan dan kesetiaan penduduk Dayak melalui kemudahan pendidikan yang disediakan kepada anak-anak mereka. Bagi tujuan ini, pihak kerajaan British telah mendirikan sekolah di kawasan mundur dan kawasan rumah panjang yang terpencil. CCO juga menyeru anggotanya supaya mengambil berat tentang kehidupan harian dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Dayak seperti hasil tanaman yang diperoleh dan kecukupan bekalan makanan mereka. Strategi tersebut dapat menunjukkan CCO mengambil perhatian tentang kehidupan penduduk tempatan dan bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh mereka. Justeru, secara perlahan-lahan, mereka akan menganggap komunis itu sahabat yang boleh dipercayai dan seterusnya bekerjasama dengan sepenuh hati (Sarawak Information Service 1965, 68–69).

Bagi memenangi hati penduduk Dayak, CCO juga menggunakan strategi penyerapan kader terlatih ke kawasan penduduk Dayak supaya dapat bergaul dan berhubung dengan mereka. Cara ini mencapai sedikit kejayaan mengikut pandangan kerajaan dalam Kertas Putih bertajuk *The Communist Threat to Sarawak*, yang diterbitkan pada tahun 1966 (Malaysia 1966, 9; Razza 2012). Pandangan ini diperkuuhkan lagi berdasarkan sebuah dokumen komunis yang dirampas oleh pasukan keselamatan ketika Operasi Jala Raja dijalankan pada Februari 1970. Dokumen itu menyebut mengenai kawasan Nonok (kini dikenali sebagai Asajaya) di Bahagian Pertama iaitu lokasi yang tersisih daripada perhatian kerajaan dan pembangunan. Kawasan itu didiami oleh lebih kurang 1,000 buah keluarga. Sesetengah penduduk di kawasan Nonok tertakluk di bawah penguasaan komunis melalui jawatankuasa kampung yang wujud. Bagi tujuan tersebut, Armed Work Force (AWF) ditubuhkan untuk mendapatkan sokongan penduduk setempat dalam menentang pihak kerajaan. Mereka mempunyai penguasaan terhadap penduduk tempatan melalui penyerapan dalam jawatankuasa kampung. Mereka ditugaskan untuk mengawasi kampung-kampung yang ada, serta melaksanakan mesyuarat wakil jawatankuasa kampung bagi melicinkan kerja-kerja revolusi di kampung. Mereka juga giat menjalankan aktiviti *hsueh hsih* atau lebih dikenali sebagai indoktrinasi komunis demi meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan penduduk tempatan. Komunis turut terlibat dalam penganjuran projek tenaga kerja yang bersifat kolektif bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi dan penyediaan kemudahan prasarana seperti sekolah, aktiviti rekreasi serta bantuan perubatan kepada

penduduk yang memerlukan (Razza 2012). CCO turut melibatkan penduduk tempatan dalam pelbagai aktiviti komunis melalui jawatankuasa kampung yang wujud itu. Hasrat komunis untuk mempengaruhi penduduk kawasan itu dapat menjadi realiti disebabkan penyisihan penduduk kawasan tersebut daripada perlindungan kerajaan dan pembangunan. Masyarakat Iban yang menetap di situ turut hidup dalam keadaan miskin dan serba kekurangan (Razza 2012).

Selain itu, kampung penduduk Dayak di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan juga didapati sering terdedah kepada gangguan komunis. Antara kawasan tersebut adalah empat buah kampung Bidayuh (Dayak Darat) di kawasan Tringgus, daerah Bau yang merupakan tempat komunis berkali-kali meminta makanan daripada penduduk. Keadaan tersebut menunjukkan penduduk Dayak yang tinggal di kawasan pedalaman berdekatan dengan Kalimantan merupakan aset penting untuk dipergunakan oleh komunis. Disebabkan perkara itu, penduduk yang berjumlah 240 orang itu akhirnya telah dipindahkan dan ditempatkan semula di dua buah rumah panjang di kampung Tringgus yang baharu berdekatan dengan Bau. Begitu juga halnya dengan 47 buah keluarga dengan 230 orang penduduk Iban dari kawasan Jambu, Bahagian Kedua, yang ditempatkan semula di Skrang di bawah Skim Skrang (*Skrang Scheme*). Skim itu kemudian turut disertai oleh penduduk kawasan terpencil dari Ulu Lubok Antu dan Ulu Kambang di kawasan Sri Aman berdekatan dengan sempadan Kalimantan. Dengan itu, ternyata untuk mengelakkan penduduk Dayak di kawasan sempadan ini daripada dipengaruhi dan dipergunakan oleh komunis, mereka telah ditempatkan semula oleh pihak kerajaan atas faktor keselamatan (Tan 2008, 117–118).

Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa CCO menggunakan pelbagai strategi untuk mendekati dan menjalin hubungan baik dengan masyarakat setempat seperti orang Dayak. Melalui pendekatan ini, komunis berharap dapat memperoleh kepercayaan dan sokongan mereka kepada kegiatan komunis di Sarawak. Orang Dayak adalah kumpulan penduduk teramai di Sarawak yang tertumpu di kawasan luar bandar. Setelah komunis berjaya memenangi kerjasama dengan penduduk majoriti ini, gerakan komunis di Sarawak dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya dapat membantu CCO untuk mencapai matlamat perjuangan mereka.

Secara keseluruhannya, jumlah orang Dayak yang dikenal pasti menyertai gerakan komunis di Sarawak adalah sangat sedikit. Nisbah bilangan penduduk peribumi hanya sekitar 10 kepada 100 orang komunis seperti yang dinyatakan dalam buku tulisan Yeoh, Thoo dan Ritchie (2011). Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga nama-nama orang Dayak yang muncul

dalam gerakan komunis di Sarawak. Situasi ini dapat dilihat melalui beberapa nama komunis berbangsa Dayak yang berjaya dikesan oleh pihak keselamatan. Jadual 2 menunjukkan antara nama komunis berbangsa Dayak yang telah menyerah diri kepada pihak kerajaan, dan komunis yang dilaporkan hilang atau dibunuh oleh pasukan keselamatan dalam operasi ketenteraan yang dilancarkan di Sarawak antara tahun 1960-an hingga 1980-an.

**Jadual 2.** Nama komunis berbangsa Dayak

Bil.	Nama komunis Dayak
1.	Senai anak Merebai
2.	Embat anak Ising
3.	Dendang anak Ambau
4.	Ubong anak Nuining
5.	Burai anak Gambai (isteri Ubong)
6.	Bunyau anak Ubong alias Senia (anak perempuan Ubong)
7.	Majau (anak perempuan Ubong)
8.	Aju (anak perempuan Ubong)
9.	Serijin (anak lelaki bongsu Ubong)
10.	Uba Juga
11.	Subau Jamoi
12.	Puyu anak Paren (isteri Subau)
13.	Peto Saging
14.	Lohung Balan (isteri Peto)
15.	Dora Kanyan
16.	Seneng
17.	Tuah
18.	Yalou
19.	Burong anak Gamba
20.	Baden

*Sumber:* Nama Senai dan Embat disebut dalam S.B. Div. Headquaters, Sibu, O/Ref: AD709/019/27(C) (1971), *Review on the Security Situation Third Division*. Nama Dendang pula disebut dalam *Sarawak Tribune* (1971). Nama-nama komunis Dayak yang lain dipetik daripada Yeoh, Thoo dan Ritchie (2011, 299 dan 318).

Walaupun komunis menjalankan pelbagai usaha untuk mempengaruhi kaum Dayak supaya menerima kewujudan komunis dan sekali gus menyokong perjuangan mereka, namun sambutan yang diterima adalah amat dingin. Keadaan ini disebabkan perjuangan komunis setakat ini lebih memperlihatkan sifat kecinaan dan lebih condong memperjuangkan kepentingan orang Cina. Oleh itu, gerakan komunis dilihat sebagai satu gerakan orang Cina oleh penduduk Dayak. Selain itu, Sarawak terdedah kepada pengaruh komunis di Tanah Besar China memandangkan ramai penduduk Cina yang masih mengekalkan hubungan rapat

dengan negara China. Tambahan pula, sejak abad ke-19 lagi, sistem pendidikan berorientasikan negara China yang diikuti oleh orang Cina Sarawak pula menyebabkan mereka beralih kepada perjuangan politik di China. Latar belakang penjalinan hubungan orang Cina di Sarawak dengan negara China menyebabkan mereka terpengaruh dengan perkembangan politik semasa di China. Perkembangan yang berlaku ini menimbulkan kebimbangan pihak kerajaan kerana guru, pelajar dan belia yang cenderung kepada politik China adalah penyokong parti komunis sedangkan mereka juga merupakan golongan yang bakal menjadi tulang belakang pembangunan negara.

Selain itu, penduduk Dayak Sarawak kurang tertarik kepada perjuangan komunis kerana pada ketika itu, rata-rata daripada mereka hanya mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk memahami matlamat perjuangan dan fahaman komunis yang rumit serta kompleks. Tambahan pula, mereka pada ketika itu berpuas hati dengan keadaan hidup di bawah pentadbiran British dan ingin mengekalkan keadaan tersebut. Oleh itu, mereka tidak bersedia untuk menyokong perjuangan komunis yang kurang difahami. Pendek kata, rancangan komunis untuk meletakkan penduduk Dayak dalam barisan mereka tidak begitu berjaya. Perkara ini diakui sendiri oleh CCO sebagai kelemahan yang paling besar dalam usaha menarik sokongan penduduk Sarawak terhadap perjuangan komunis di Sarawak (*North Borneo News and Sabah Times* 1963).

Kegagalan CCO dalam merekrut penduduk Dayak yang secukupnya dalam organisasi mereka turut dicatatkan dalam sebuah dokumen komunis yang dirampas oleh pihak kerajaan. Menurut CCO, kegagalan ini sebenarnya merupakan kelemahan utama dalam organisasi CCO. Dokumen itu menyatakan bahawa penduduk Dayak secara umumnya adalah “very suspicious about the revolution and the other races”. Kelemahan CCO dalam mendekati dan mempengaruhi orang Dayak di Sarawak ini dicatatkan dengan jelas dalam dokumen CCO. Antara lain, dokumen berkenaan mencatatkan:

The native races are generally very suspicious of the revolution and the other races. It is very difficult to carry out work amongst them, but the present situation demands that we intensify work among the native races. If this type of work is not launched extensively, then all other forms of struggle will be restricted.... Work among the native races is different from work among the Chinese. We must fully appreciate their state of backwardness which has been caused by historical and social conditions, and patiently wait for their awakening. If we do not wait for them patiently, we shall be separated from them... (Malaysia 1972, 16–17)

Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa CCO memperoleh sedikit sokongan dalam kalangan penduduk peribumi dalam kegiatan subversif mereka. Perkara ini dilakukan melalui kerja kebajikan oleh kader CCO kepada penduduk Dayak terutamanya dalam bidang perubatan. Keadaan ini dapat dilihat melalui laporan pihak kerajaan tentang komuniti Dayak yang direkrut dalam barisan CCO. Laporan tersebut menunjukkan kumpulan komunis yang kelihatan bergerak di Sarawak termasuklah anggota Dayak bersenjata. Seterusnya, laporan tersebut turut mencatatkan sebilangan anggota komunis Dayak kemudian menyerah diri dan mendedahkan bahawa mereka tertipu dengan janji palsu komunis lalu bekerjasama dengan CCO (Malaysia 1972, 17). Keadaan ini menunjukkan pelibatan orang Dayak dalam gerakan komunis di Sarawak adalah sama ada secara sukarela ataupun mereka terpedaya dengan janji komunis yang kononnya mampu mengubah kehidupan mereka.

Walaupun CCO berusaha gigih dalam mempengaruhi orang Dayak dalam perjuangan komunis, tetapi CCO sendiri turut mengakui bahawa mereka berdepan dengan halangan dan kesukaran daripada pihak British dalam hal ini. Menurut CCO, antaranya British meletakkan tekanan kepada kegiatan CCO dalam kalangan masyarakat Dayak di Sarawak. Dalam hal ini, pentadbiran British dan kemudian kerajaan Sarawak telah berusaha untuk memenangi sokongan penduduk peribumi serta menghalang komunis meneruskan gerakan dalam kalangan penduduk. Komunis mengakui tindakan kerajaan ini adalah sebab utama yang menyebabkan mereka tidak berjaya dalam mempengaruhi penduduk tempatan di Sarawak. Halangan ini dapat dilihat melalui *Workers' and Farmers' News*, 2nd Issue (dalam Sarawak Information Service 1965, 68):

(T)he British Imperialists have indeed very successfully applied certain very effective measures to rule the country for over a century. They have tried various methods in different places to win over (the Natives), to undermine the inter-racial harmony in our country and to prevent us from striding towards progressiveness. This is the chief reasons why we are still not successful in developing our native work.

Namun demikian, usaha kerajaan dalam mengawal dan menghapuskan gerakan komunis daripada terus menular di kawasan luar bandar dan kawasan penduduk Dayak telah menghimpit kegiatan CCO dalam kalangan penduduk. Perkara ini diakui sendiri oleh CCO dan dapat dilihat melalui pelancaran Operasi Ngayau oleh kerajaan pada Ogos 1971 di Bahagian Ketiga Sarawak. Melalui operasi ini, komunis dibunuh, kem komunis yang ditemukan dimusnahkan dan senjata dirampas. Pelancaran operasi ini turut mengganggu kawasan tumpuan gerakan komunis dan memutuskan hubungan antara kawasan bandar dengan luar bandar. Dengan itu, komunis mengakui mereka menghadapi masalah berhubung dengan

penyokong mereka bukan sahaja di kawasan bandar, kawasan tumpuan orang Cina dan orang Dayak di kawasan luar bandar, tetapi juga berdepan dengan kesukaran memperoleh sumber wang, bekalan makanan serta tenaga manusia. Perkara ini dinyatakan oleh CCO dalam dokumen mereka iaitu:

The enemy is attempting to destroy our revolutionary strength in towns and Chinese areas; to sever or damage our links, between towns and villages; and between Chinese areas and Iban areas; to cut off our sources of finance; supplies and man-power from towns and Chinese areas to villages and Iban areas, and to suppress, restrict and isolate our revolutionary strength deep in the villages... (Malaysia 1972, 27)

Secara keseluruhannya, tanggapan orang Dayak terhadap gerakan komunis dan halangan daripada pihak kerajaan tersebut telah mempengaruhi pelibatan orang Dayak dalam kegiatan komunis di Sarawak. Justeru, jumlah penduduk Dayak yang dikenal pasti menyertai gerakan komunis di Sarawak adalah sangat sedikit. Daripada sejumlah 729 orang komunis dari Sarawak yang dibunuh oleh pihak keselamatan antara tahun 1963 hingga 1987, dilaporkan orang Dayak hanya merangkumi tujuh orang sahaja (termasuk tiga orang wanita) manakala yang lain adalah komunis berbangsa Cina. Jadual 3 menunjukkan bilangan komunis yang dibunuh oleh pasukan keselamatan di Sarawak mengikut tahun, 1963 sehingga 1987.

Namun demikian, tidak dapat dinafikan muncul juga nama orang Dayak dalam gerakan komunis di Sarawak. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa orang komunis Iban yang berjaya dikesan oleh pihak keselamatan. Antara nama yang direkodkan ialah Senai anak Merebai berumur 20 tahun yang menyertai pasukan AWF Rajang Tengah yang bergerak di Kompleks Ngemah pada tahun 1970. Senai keluar dari hutan dan menyerah diri kepada pihak berkuasa di Kanowit pada 1 Oktober 1971 bersama dengan seorang lagi komunis Cina, Lai Foo Chuong. Begitu juga seorang lagi komunis Iban, Embat anak Ising yang menyerah diri bersama senjatanya pada 21 Oktober 1971 kepada pihak keselamatan di Kanowit. Embat menyerah diri bersama-sama dengan tiga orang lagi komunis Cina (S.B. Div. Headquaters, Sibu, O/Ref: AD709/019/27(C) 1971). Seorang lagi komunis bernama Dendang anak Ambau menyerah diri kepada pihak kerajaan di Sarikei pada 3 November 1971. Dendang berasal dari Pakan dan menyertai gerakan bawah tanah hanya selama tujuh bulan sebelum menyerah diri kepada kerajaan kerana kekecewaannya terhadap gerakan komunis (*Sarawak Tribune* 1971). Seorang lagi pemimpin komunis Iban yang tidak asing lagi di Sarawak iaitu Ubong anak Nuing. Ubong dan keluarganya, iaitu isterinya: Burai anak Gambai, tiga orang anak perempuan: Majau, Aju dan Senia serta anak lelaki bongsu, Serijin yang menyertai gerakan komunis pada tahun 1968.

Bunyau anak Ubong alias Senia, terkenal sebagai komunis wanita Iban dan juga anak perempuan kepada pemimpin komunis Iban yang terkenal, Ubong anak Nuing. Namun demikian, Senia kemudian dibunuh oleh pasukan keselamatan di kawasan Batang Oya pada 26 November 1976 bersama-sama dengan dua orang komunis lain (Yeoh, Thoo dan Ritchie 2011, 299).

**Jadual 3.** Bilangan komunis yang dibunuh di Sarawak, 1963–1987

Tahun	Bilangan (orang)
1963	10
1964	9
1965	6 (Termasuk seorang komunis berbangsa Dayak: Seneng)
1966	10
1967	42
1968	115 (Termasuk dua orang komunis Dayak: Tuah, Yalou)
1969	97
1970	104
1971	106
1972	76
1973	97 (Termasuk dua orang komunis bangsa Dayak: Imbat anak Alam, Suda anak Glat [wanita])
1974	13
1975	9
1976	12 (Termasuk seorang komunis bangsa Dayak: Burai anak Gambai [wanita])
1977	3
1978	10
1979	4
1981	4 (Termasuk seorang komunis berbangsa Dayak: Mujau anak Ubong [wanita])
1982	1
1987	1
Jumlah	729

Sumber: Yeoh, Thoo dan Ritchie (2011, 415–432)

Pada sekitar awal tahun 1980-an, Ubong anak Nuing menyertai Komisar Politik Biro Kedua PARAKU (Pasukan Rakyat Kalimantan Utara) atau North Kalimantan People's Army (NKPA) dan menjadi Timbalan Komander kepada pemimpin komunis di Bahagian Ketiga Sarawak (kawasan Rajang) iaitu Hung Chu Ting (Yeoh, Thoo dan Ritchie 2011, 299). Ubong adalah antara satu-satunya ketua PARAKU yang berbangsa Iban yang dipilih oleh Parti Komunis Kalimantan Utara atau North Kalimantan Communist Party (NKCP) sebagai Timbalan Komander. Ubong digunakan oleh NKCP untuk mempengaruhi minda komuniti Iban di kawasan Rajang supaya menyertai atau menyokong gerakan komunis. Terdapat sumber yang menyatakan Ubong mempunyai ilmu ghaib yang luar biasa. Dia dapat bertukar menjadi sepohon dahan kayu yang buruk sewaktu dikejar oleh pasukan keselamatan ketika berada di dalam hutan (Razza 2012). Ilmu ghaib itu membolehkan Ubong dan kumpulannya melepaskan diri daripada kepungan pasukan keselamatan. Situasi ini dapat dilihat melalui Operasi Jala Aman Satu yang dilancarkan oleh pasukan keselamatan pada Mac 1981 di Naman Forest Reserve di Sibu. Dalam tempoh seminggu operasi itu dilancarkan, pasukan keselamatan bertemu dengan sekumpulan komunis yang dipimpin oleh Komander Iban, Ubong anak Nuing. Bagi melepaskan diri daripada kepungan pasukan keselamatan, Ubong dikatakan menggunakan kuasa luar biasanya seperti yang diceritakan oleh seorang anggota keselamatan yang menyertai operasi itu, Ranger Nelson Nore (dalam Yeoh, Thoo dan Ritchie 2011, 299):

My colleague who was about 50 feet away from me was the first to spot Ubong and opened fire with his light machine gun (LMG). Then I saw something flying in my direction. All of a sudden a black cloak or cape landed about ten feet in front of me. It was just a cloak and there was no one. I froze and couldn't open fire and the cloak just disappeared before my eyes.

Justeru, pasukan keselamatan amat takut kepada Ubong anak Nuing setelah mereka mengetahui Ubong adalah seorang warga yang berbangsa Iban dan juga seorang bekas pemandu arah (*tracker*) yang pernah bertempur dengan pengganas komunis di Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia). Perkara ini disebabkan Ubong memiliki "pengaruh" (azimat) yang berkesan dalam menghindari bahaya. Pihak Cawangan Khas (*Special Branch*) berpendapat bahawa Ubong bukanlah seorang anggota komunis yang tegar walaupun dia telah lama berada dengan PARAKU di dalam hutan iaitu selama lebih 20 tahun. Ketika berada di dalam hutan, Ubong selalunya diberi penjagaan yang ketat dan rapi oleh sembilan seksyen PARAKU bersenjata. Pada masa yang sama, Ubong turut diawasi supaya tidak berpaling tадah terhadap pihak PARAKU dan kembali ke rumah panjangnya (Razza 2012).

Pada pertengahan tahun 1982, menerusi kerjasama antara pasukan keselamatan Malaysia dengan Tentera Nasional Indonesia (TNI), Operasi Kemudi dilancarkan. Kumpulan komunis di bawah Hung Chu Ting dan pembantunya bergerak dari satu tempat ke satu tempat sehingga ke Sungai Kapuas di sempadan Kapit iaitu berdekatan kawasan Kalimantan. Ubong dan 20 orang anggotanya termasuk anak perempuan dan menantunya pula mlarikan diri ke kawasan Ulu Katibas, Song, berdekatan dengan sempadan Kalimantan Indonesia pada tahun 1985. Selepas setahun hidup dalam hutan dan sentiasa berpindah-randah, Ubong menjadi tidak sihat dan kumpulannya juga semakin lemah kerana mereka mendapati keadaan menjadi sangat sukar untuk mereka terus berjuang. Akhirnya, pada 24 Disember 1985, Ubong dan kumpulannya bersetuju mengakhiri perjuangan bersenjata selepas sebulan mengadakan perbincangan dengan pihak Cawangan Khas yang diketuai oleh Ketua Cawangan Khas, Dato Lawrence Lim Eng Liong (Yeoh, Thoo dan Ritchie 2011, 302–305). Mesyuarat diadakan antara Cawangan Khas dengan Ubong dan dua orang pengawal peribadinya, Ling Kee Ching dan Yap Poh Kok berserta dengan 22 orang anggota PARAKU (tujuh daripadanya adalah wanita) di hutan Ulu Katibas, Song, di bawah pengawasan ketat. Akhirnya, pada jam 4:00 petang, 24 Disember 1985, Ubong dan kumpulannya seramai 25 orang berjaya dipupuk dan dibawa keluar dari hutan oleh pihak Cawangan Khas (Razza 2012). Langkah Cawangan Khas dalam memujuk pemimpin PARAKU keluar dari hutan dan kembali kepada pangkuhan masyarakat sedikit sebanyak telah melemahkan semangat perjuangan anggota komunis PARAKU. Susulan daripada itu, pihak PARAKU bersedia untuk berunding dengan pihak kerajaan ke arah perdamaian.

Pada tahun 1990, komunis di Sarawak bersetuju berdamai dengan kerajaan dan menghentikan perjuangan bersenjata mereka. Dengan itu, saki-baki komunis pun menyerah diri kepada pihak kerajaan Sarawak. Pada 3 November 1990, 53 orang anggota komunis termasuk dua orang kanak-kanak dibawa keluar dari Ulu Pakoh, Sibu dan Ulu Tanjar, Baram. Mereka terdiri daripada 46 orang Cina dan tujuh orang Dayak. Kumpulan anggota komunis Dayak yang terakhir menyerah diri ini adalah Serijin (anak bongsu Ubong) bersama-sama dengan enam orang Penan dan Punan yang menyertai gerakan komunis pada lewat tahun 1980-an. Mereka ialah Pengiran Juga (seorang Penan yang nama lainnya ialah Uba Juga), Subau Jamoi (Punan) dan isterinya seorang Penan bernama Puyu anak Paren, Peto Saging (Punan) dan isterinya seorang Penan bernama Lohung Balan serta Dora Kanyan, seorang wanita Penan (Yeoh, Thoo dan Ritchie 2011, 318).

Selain daripada tujuh nama yang dinyatakan tersebut, anggota komunis dalam kalangan penduduk Dayak yang dibunuh di kawasan sekitar Kalimantan Indonesia oleh TNI adalah Seneng (dibunuh pada Oktober 1965), Tuah (dibunuh pada tahun 1968) dan Yalou (dibunuh pada tahun 1968). Seorang lagi komunis berbangsa Dayak yang dibunuh ialah Burong anak Gamba pada November 1976 di Sungai Bunau, Off Sungai Skrang, antara sempadan Bahagian Kedua dan Bahagian Ketiga Sarawak di samping seorang lagi komunis bernama Baden yang dilaporkan hilang sejak Ogos 1965 (Yeoh, Thoo dan Ritchie 2011, Appendix XI). Dengan demikian, jelas bahawa bilangan penduduk Dayak Sarawak yang dikenal pasti terlibat dalam kegiatan komunis adalah amat sedikit sedangkan mereka adalah penduduk majoriti dalam masyarakat di Sarawak. Tidak dapat dinafikan bahawa komunis di Sarawak lebih berjaya dalam memperoleh sokongan dan penyertaan orang Cina berbanding dengan orang Dayak. Keadaan itu merupakan antara sebab penting yang menyebabkan komunis tidak berjaya dalam perjuangan mereka di Sarawak. Dengan itu, pengakuan CCO bahawa tanpa sokongan daripada masyarakat Dayak, revolusi mereka di Sarawak tidak akan berjaya adalah benar. Justeru, jelas bahawa kekurangan sokongan dan pelibatan orang Dayak dalam gerakan komunis adalah antara punca utama yang mendorong kepada kegagalan komunis untuk mencapai matlamat politik mereka di Sarawak.

## Kesimpulan

Dalam gerakan komunis di Sarawak, orang Dayak turut diberi perhatian oleh CCO terutamanya pada pertengahan tahun 1960-an sewaktu mereka berdepan dengan masalah memperoleh bantuan dan sokongan di Bahagian Pertama serta Bahagian Kedua Sarawak. Dalam keadaan tersebut, komunis beralih ke Bahagian Ketiga Sarawak yang dihuni oleh ramai orang Dayak selain orang Cina. Orang Dayak merupakan penduduk paling ramai di Sarawak dan komunis berharap golongan ini dapat membantu kegiatan mereka. Selain itu, petempatan orang Dayak yang tertumpu di kawasan luar bandar dan pedalaman juga merupakan satu peluang baik bagi komunis untuk mempengaruhi serta menggunakan mereka bagi menyokong dan menggerakkan kegiatan komunis. Hal ini memandangkan kawasan luar bandar adalah lokasi tumpuan gerakan komunis di Sarawak yang tidak mudah dikesan oleh pihak berkuasa. Orang Dayak di kawasan luar bandar sukar dihubungi dan berhubung dengan pihak kerajaan serta pasukan keselamatan kerana masalah sistem perhubungan yang mundur. Walaupun demikian, dalam gerakan komunis di Sarawak, penglibatan orang Dayak didapati hanya sekitar 10% sahaja. Kurangnya penyertaan orang Dayak dalam gerakan komunis disebabkan mereka tidak memahami ideologi dan perjuangan komunis lantaran tahap pendidikan yang rendah. Tambahan

lagi, kebanyakan mereka melihat gerakan komunis sebagai gerakan orang Cina. Kegagalan komunis mempengaruhi orang Dayak yang merupakan majoriti penduduk di Sarawak merupakan antara faktor yang menghalang gerakan komunis untuk mencapai matlamat mereka iaitu menjadikan Sarawak sebagai republik komunis. Secara keseluruhannya, gerakan komunis di Sarawak kurang mendapat sambutan dalam kalangan penduduk peribumi seperti orang Dayak, namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat sebilangan kecil orang Dayak yang terlibat dalam kegiatan komunis dan menjadi anggota komunis termasuklah golongan wanita. Sebaliknya, orang Melayu pula tidak dipengaruhi oleh komunis kerana fahaman komunis adalah bertentangan dengan pegangan agama mereka. Umumnya, kebanyakan daripada mereka yang terbabit dalam gerakan komunis di Sarawak ketika era pra merdeka dan pasca merdeka adalah terdiri daripada orang Cina. Sungguhpun demikian, rentetan ketiadaan sokongan padu daripada penduduk berbilang kaum di Sarawak, gerakan komunis akhirnya tidak dapat mencapai matlamat politik dan bersetuju menghentikan perjuangan pada Oktober 1990.

## Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada, Universiti Malaya atas pemberian Geran Penyelidikan Fakulti GPF017J-2018 dan GPF034B-2020.

## Rujukan

- Alli Kawi. 2009. *It has been worth the pain*. Selangor, Malaysia: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Ancaman Komunis Bersenjata di Sarawak*. 1972. Kuala Lumpur: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
- Annual Statistical Bulletin Sarawak 1972*. 1973. Sarawak, Malaysia: Government Printing Office.
- Communism and the Farmers*. 1961. November. Sarawak, Malaysia: The Government of Sarawak.
- DO 169/486. 1965a. *Sarawak fortnightly political and economic summary for the period ending 10th March 1965*. London: The National Archives.
- \_\_\_\_\_. 1965b. *Sarawak fortnightly political and economic summary for the period ending 24th February 1965*. London: The National Archives.
- Empeni Lang. 2015. Resettlement during the insurgency period: Lessons learnt. Paper presented at the Seminar Resettlement and Development in Sarawak: Experiences and Future Trends. Kuching, Sarawak, 28–29 June.
- FCO 24/1440. 1972. Communist threat to Malaysia. *Foreign and Commonwealth diplomatic report no. 400/72*, 24 July 1972. London: The National Archives.

- Ho Hui Ling. 2014. Penglibatan orang Cina dalam gerakan komunis di Sarawak, 1924–1974. *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 23(1): 73–98. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol23no1.4>
- \_\_\_\_\_. 1999. Kegiatan Clandestine Communist Organisation (CCO) di Sarawak, 1950–1963: Satu tinjauan umum. *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 7(7): 183–213. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol7no7.9>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 1970. *Banci perumahan dan penduduk-golongan masyarakat Malaysia (1970)*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jackson, J. 1976. *Sarawak: Satu kajian ilmu alam tentang sebuah negeri yang sedang membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jones, L.W. 1966. *The population of Borneo*. London: University of London, The Athlone Press.
- \_\_\_\_\_. 1962. *Report on the census of population taken on 15th June 1960*. Sarawak, Malaysia: Government Printing Office.
- Lee, Y.L. 1970. *Population and settlement in Sarawak*. Singapore: Asia Pacific Press.
- Liman anak Numpang. 2012. *Journey towards progress society, 1962–2002*. Sarawak, Malaysia: Lee Ming Press Sdn. Bhd.
- Malaysia. 1972. *The threat of armed communism in Sarawak*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan.
- \_\_\_\_\_. 1966. *The communist threat to Sarawak*. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan.
- Mohd Reduan Haji Asli. 1993. *Pemberontakan bersenjata komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Suffian Hashim. 1987. *Mengenai Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- North Borneo News and Sabah Times*. 1963. The reds in Sarawak, 15 March.
- Porritt, V.L. 2004. *The rise and fall of communism in Sarawak 1940–1990*. Victoria, Australia: Monash University Press.
- \_\_\_\_\_. 1997. *British colonial rule in Sarawak, 1946–1963*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Razza bin Willi. 2012. PARAKU duri dalam daging Sarawak. *Warta Perajurit*, 19(11).
- Ref. AD709/019/27/PR(S). 1973. Fifteenth SB progress report of Rejang Security Command (RASCOM), period 1 June–30 June 1973. In *RASCOM IB progress reports 1973*. RASCOM Sibu collections. Sarawak, Malaysia: Markas Infantri 9 Briged, Sibu.
- RH/2006/0063, The Doomed Man. n.d. *Hsueh-Hsih material concerning racial problems* (reproduced in late October 1964). Rhodes House collections. Sarawak, Malaysia: State Records Repository.
- S.B. Div. Headquaters, Sibu, O/Ref: AD709/019/27(C). 1971. *Review on the security situation Third Division, 31 October 1971*. Sarawak, Malaysia: State Records Repository.
- Sarawak by the Week*. 1961. Government white paper communism and the farmers. 26 November–2 December.
- Sarawak Information Service. 1965. *The danger within: A history of the Clandestine Communist Organisation in Sarawak*. Kuching: The Government Printing Office.

- Sarawak Tribune*. 1971. No Clandestine radio station in Sarawak, 9 November.
- Tan, G. 2008. *Indonesian confrontation and Sarawak communist insurgency 1963–1966, experiences of a local reporter*. Sarawak, Malaysia: Penerbitan Sehati Sdn. Bhd.
- Van der Kroef, J.M. 1968. The Sarawak-Indonesia border insurgency. *Modern Asian Studies* 2(3): 245–265. <https://doi.org/10.1017/S0026749X00001761>
- \_\_\_\_\_. 1967. *Communism in Malaysia and Singapore*. Leiden, Netherlands: Martinus Nijhoff.
- \_\_\_\_\_. 1966. Communism in Sarawak today. *Asian Survey* 6(10): 568–579. <https://doi.org/10.2307/2642112>
- \_\_\_\_\_. 1964. Communism and Chinese communalism in Sarawak. *The China Quarterly* 20(October–December): 38–66. <https://doi.org/10.1017/S0305741000048335>
- Yeoh, P., Thoo, K.N. and Ritchie, J., ed. 2011. *Crimson tide over Borneo*. Sarawak, Malaysia: Persatuan Bekas Polis Malaysia Bahagian Negeri Sarawak.